

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DATUK KOH NAI KWONG**
KAWASAN : **ALOR GAJAH**
TARIKH : **10.6.2014 (SELASA)**
NO. SOALAN : **83**

Y.B. DATUK KOH NAI KWONG minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan sebab untuk pemberian lesen pembuatan kenderaan EEV atau kenderaan cekap tenaga kepada Go Automobile Manufacturing Sdn. Bhd. sedangkan tiada rekod atau pengalaman dalam industri dijumpai berkaitan dengan syarikat ini.

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan menerusi Dasar Automotif Nasional (NAP) 2014 telah meliberalisasikan industri automotif tempatan menerusi pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi semua segmen kenderaan dalam kategori Kenderaan Bertenaga Efisien (EEV). Ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab automotif serantau bagi kenderaan EEV.

Oleh itu, pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi menjalankan aktiviti pemasangan EEV kepada syarikat Go Automobile Manufacturing Sdn. Bhd. adalah selaras dengan dasar semasa dan berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Syarikat Go Automobile Manufacturing Sdn. Bhd. telah membuat permohonan Lesen Pengilang baharu kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan melalui prosedur pengeluaran Lesen Pengilang yang telah ditetapkan. Syarikat juga telah mendapat pengesahan EEV daripada Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan *Malaysia Automotive Institute* (MAI) sepertimana yang digariskan dalam prosedur pengeluaran Lesen Pengilang baharu.

Sehubungan itu, pengeluaran Lesen Pengilang baharu bagi menjalankan aktiviti pemasangan EEV kepada syarikat Go Automobile Manufacturing Sdn. Bhd. dijangka mampu membangunkan industri automotif tempatan melalui pengeluaran kenderaan EEV.